

Cabaran, latihan berintensiti tinggi bukan halangan tamat pengajian di UPNM

Oleh [Ercy Gracella Ajos](#) - Julai 22, 2023 @ 10:22pm
bhnews@bh.com.my



Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan Akademik Latihan Ketenteraan, Mohamad Norizzaini (dua kanan) bersama Pegawai kadet terbaik Darat, Khairul Faisal, Muhammad Hafizzuddin Zakaria (kiri) dan Pegawai kadet terbaik laut, Muhammad Amree (kanan) yang menerima anugerah pertauliah Diraja dan watikah pegawai kadet angkatan Tentera Malaysia (ATM) tahun 2023.- Foto NSTP/Hazreen Mohamad

KUALA LUMPUR: Latihan berintensiti tinggi termasuk menguji keupayaan fizikal, mental, latihan senjata dan sebagainya yang diperkenalkan doktrin Tentera Darat, bukan halangan bagi Leftenan Muda Mohamad Norizzaini Norizam menamatkan latihan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Cabaran dilalui dengan jaya dan lebih membanggakan, Mohamad Norizzaini dinobatkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan Akademik Latihan Ketenteraan (ALK) dalam Istiadat Perbarisan Pentauliahkan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2023, yang diadakan hari ini.

Anak sulung daripada empat adik-beradik dan anak jati Pasir Gudang, Johor ini akan ditauliahkan ke Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan anugerah Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan kepada Leftenan Muda Mohamad Norizzaini Norizam yang menerima Piala Seri Perkasa dan sebilah pedang kehormat pada Istiadat Perbarisan Pentauliahkan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2023 di Kem Perdana Sungai Besi, hari ini. - Foto BERNAMA

Katanya, beliau mula terdedah dengan UPNM ketika berada di Tingkatan Lima apabila sekolah membuat lawatan ke universiti itu.

"Pada mulanya saya melapor diri di UPNM sebagai pelajar asasi dalam bidang Kejuruteraan Awam dan seterusnya, saya melapor diri dalam ALK serta mengangkat sumpah pada Julai 2018, ketika berada di Tahun Satu pengajian.

"Selepas itu, saya mengikuti segala pembelajaran dalam pengajian akademik dan latihan ketenteraan daripada Tahun Dua sehingga ke Tahun Empat," katanya ketika ditemui media, semalam.

Mohamad Norizzaini berkata, selesai sahaja pengajian di peringkat Ijazah Kejuruteraan Awam, beliau meneruskan latihan selama enam bulan di Akademi Tentera Darat (ATD) di Port Dickson.

"Saya percaya, latihan yang kami tempuh itu membantu mengasah kami agar menjadi bakal pegawai muda berkaliber," katanya.

Pada istiadat yang akan berlangsung esok, turut diadakan penyampaian Anugerah Pedang Kehormat berserta piala kepada tiga lagi Pegawai Kadet terbaik bagi setiap perkhidmatan.



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan anugerah Pegawai Kadet Terbaik Tentera Darat Malaysia kepada Pegawai Rendah Kanan Khairul Faisal Hasanuddin, yang menerima Piala Seri Gagah Setia dan sebilah pedang kehormat pada Istiadat Perbarisan Pentauliah Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2023 di Kem Perdana Sungai Besi, hari ini. - Foto BERNAMA

Mereka adalah Leftenan Muda Faisal Hasanuddin yang bakal dinobatkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik Tentera Darat Malaysia (TDM); Leftenan Muda Muhammad Hafizzudin Zakaria, Pegawai Kadet Terbaik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Leftenan Muda Muhammad Amree Aqiel Zyreemy, Pegawai Kadet Terbaik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Bagi Faisal iaitu anak keempat daripada lima adik-beradik, berkata selain minat dalam bidang ketenteraan, niat untuk menceburi bidang ini juga adalah bagi membantu ibu bapa dan keluarga.

"Saya melihat kesusahan ayah menyara keluarga. Ketika saya ingin melanjutkan pengajian, kedua-dua abang dan kakak juga sambung pelajaran ke Insitut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ini membabitkan kos besar.

"Mujur, UPMN menawarkan keistimewaan kepada pelajar di mana saya dibiayai sepenuhnya sebagai pelajar di sini, tambahan pula ada 'gaji' sebagai pegawai kadet," katanya.

Sementara, Muhammad Amree berkata, minat untuk menjadi tentera wujud kerana beliau suka cabaran dan aktiviti lasak.

Katanya, berjauhan dengan keluarga dan rakan menjadi cabaran terbesar kerana terpaksa mengikuti beberapa siri pelayaran.

"Namun, melihat sudut positif, saya berpeluang melawati tempat baharu selain dapat berdikari dan belajar menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan kesusahan.

"Saya percaya dengan persiapan yang sudahpun dibuat sejak bergelar pegawai kadet akan membantu kami semua dalam pengurusan pelbagai aspek termasuk masa, emosi dan banyak lagi dalam membina kerjaya kelak," katanya.

Muhammad Hafizzudin pula berkata, minat untuk menceburkan diri menjadi tentera udara sejak kecil lagi ketika ibu dan bapa sering membawa ke Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA).

"Dari situ saya dapat melihat pesawat TUDM beraksi, jadi saya tanam dalam diri untuk menjadi tentera udara.

"Saya bersyukur dan berbangga kerana sepanjang pengajian dan tempoh latihan di sini membuahkan hasil sehingga bakal menerima anugerah pegawai kadet terbaik TUDM," katanya.